

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH**  
**[KUANTAN]**

**TARIKH : 23 MEI 2016 (ISNIN)**

**SOALAN**

Puan Hajah Fuziah binti Salleh minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sama ada pihak Kementerian mempunyai dasar dan insentif menggalakkan rakyat menjana tenaga elektrik sendiri atau mencari sumber tenaga elektrik sendiri, supaya mengurangkan kebergantungan mereka terhadap Tenaga Nasional Berhad.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Bagi menggalakkan rakyat menjana tenaga elektrik sendiri di samping menggalakkan penggunaan Tenaga Boleh Baharu (TBB), Kerajaan telah memperkenalkan mekanisme *Feed-in Tariff* (FiT) bermula pada 1 Disember 2011 selaras dengan penguatkuasaan Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 (Akta TBB 2011). Melalui mekanisme ini, rakyat boleh menjana tenaga elektrik sendiri dan menjual tenaga elektrik kepada pihak utiliti iaitu Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) .

2. Selain itu, Kerajaan juga telah meluluskan pelaksanaan *Net Energy Metering* (NEM) di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMK-11) sebagai pelengkap kepada mekanisme FiT. Melalui Program NEM, rakyat juga akan berpeluang untuk menjana tenaga elektrik sendiri untuk memenuhi keperluan elektrik harian dan pada masa yang sama, dapat mengurangkan kebergantungan mereka terhadap tenaga elektrik yang dibekalkan oleh TNB dan SESB.

\*\*\*\*\*